

Urus Setia
Seminar Antarabangsa
Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu V (2009)
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
(u/p: Ahmad Yusoff Buyong)

◆ PRODUK SEMINAR

Makalah akan diterbitkan dalam bentuk prosiding. Di samping itu, makalah yang mencapai standard yang ditetapkan serta belum pernah diterbitkan akan diterbitkan dalam bentuk buku.

◆ PESERTA

Seminar ini terbuka kepada 200 orang peserta yang terdiri daripada kumpulan sasaran berikut:

- ◆ Ahli akademik
- ◆ Pentadbir dan profesional pelbagai bidang
- ◆ Guru dan Pelatih Guru
- ◆ Pelajar, mahasiswa, dan siswazah
- ◆ Pegawai penyelidik bahasa, linguistik, dan persuratan Melayu
- ◆ Ahli bahasa, ahli linguistik, dan ahli persuratan Melayu
- ◆ Sesiapa sahaja yang berminat tentang bahasa, linguistik, dan persuratan Melayu

◆ YURAN PENDAFTARAN

Yuran pendaftaran bagi pemakalah dan peserta seminar adalah seperti yang berikut:

Individu	RM 100.00
Wakil institusi	RM 250.00 (untuk tiga orang)
Pelajar	RM 30.00

Tarikh akhir pendaftaran peserta adalah pada 17 November 2009.

◆ MAKLUMAT LANJUT

Urus Setia
Seminar Antarabangsa
Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu V (2009)
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

Tel. No : 03-89468939 (Dr. Mohd Sharifudin Yusop)
03-89468672 (Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah)
03-89468747 (Ahmad Yusoff Buyong)

E-mel : salpbm5@fbmk.upm.edu.my

SEMINAR ANTARABANGSA LINGUISTIK DAN PEMBUDAYAAN BAHASA MELAYU KE V (2009)

Tema:
Pemeriksaan Bahasa Melayu dalam
Pembinaan Sahsiah dan
Jati Diri Negara Bangsa

Tarikh:
17-18 November 2009

Tempat:
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur

Anjuran bersama



Jabatan Bahasa Melayu,
FBMK,
Universiti Putra Malaysia



Kementerian Penerangan,
Komunikasi dan
Kebudayaan Malaysia



Dewan Bahasa
dan Pustaka
Kuala Lumpur

LATAR BELAKANG

Pendidikan sering disasarkan untuk menjanakan generasi yang berupaya untuk mewujudkan sebuah negara bangsa yang bersatu, mantap dan maju. Namun, usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah, lebih-lebih lagi bagi negara bangsa yang penduduknya suatu ketika dahulu mewarisi latar sejarah dan budaya yang berbeza seperti Malaysia. Namun, kelahiran sebuah negara bangsa Malaysia yang benar-benar mantap bukanlah sesuatu yang mustahil. Keutuhan sesebuah negara bangsa tidak semata-mata bergantung pada kemajuan sains dan teknologi, budaya penciptaan benda, dan persetujuan bersifat politik sementara. Proses ini perlu berteraskan suatu budaya induk yang berdaya maju yang menjadi asas pembinaan sahsiah dan jati diri seluruh warganya.

Selama berabad-abad keutuhan negara dan bangsa di Tanah Melayu terjamin kerana keupayaan budaya Melayu menangani perubahan dan cabaran yang mendatang. Melalui suatu proses sendiri dan bersahaja, orang dan unsur asing yang kekal di rantau ini dimelayukan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Oleh sebab kemelayuan itu lebih berteraskan budaya daripada keturunan maka mudahlah orang menjadi Melayu, bertindak sebagai orang Melayu dan memperkukuh kedudukan budaya dan politik bangsa Melayu.

Memiarkan budaya bangsa berubah tanpa panduan dan pelaksanaan yang tegas dalam gelombang budaya 'dunia tanpa sempadan' akan menjerumuskan negara dan bangsa ke kancan kekeliruan dan kemusnahan. Kekeliruan kini terdapat di mana-mana. Justeru, pemupukan budaya teras perlu dilaksanakan secara sedar dan bersungguh-sungguh agar setiap warganya menghormati tradisi dan warisan budaya itu dan seterusnya menjanakan bangsa dan negara bangsa yang bersatu, kuat semangat cinta akan negara, dan tidak mungkin dikuasai orang dan budaya luar dalam tempoh yang lama.

Maka generasi yang lahir selepas ini harus menyebatkan budaya teras induk berlandaskan ilmu, sejarah, dan tradisi peribumi demi menyasakan seluruh warganya. Untuk maksud itulah, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia berkolaborasi dengan pelbagai pihak termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka sejak tahun 2005, serta Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia sejak 2006 untuk merencanakan segala usaha penataran budaya Melayu dan menampilkan segala pemikiran yang tersirat untuk dihayati oleh setiap lapisan dan etnik masyarakat.

Antara wahananya adalah melalui penganjuran Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu. Sehingga kini, empat siri telah selesai dilaksanakan dengan jayanya dan himpunan makalah yang dibentangkan akan diterbitkan dalam masa terdekat, dan dua daripadanya akan dilancarkan pada majlis perasmian seminar ini nanti

◆ OBJEKTIF

Seminar ini bertujuan untuk:

- ◆ menelusuri dan membincangkan hasil penyelidikan linguistik dan pembedayaan bahasa Melayu dalam tempoh sedekad pada abad ke-21;
- ◆ memperkasakan hasil penyelidikan yang bertemakan Pemerksaan Bahasa Melayu dalam Pembinaan Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa;
- ◆ memartabatkan penyelidikan dalam bidang linguistik dan pembedayaan bahasa Melayu melalui penerbitan; dan
- ◆ menjalin kerjasama dalam kalangan sarjana bahasa, linguistik, dan persuratan Melayu untuk penerokaan ruang baru dalam usaha membudayakan penyelidikan linguistik dan pembedayaan bahasa Melayu pada peringkat global.

◆ KERTAS KERJA

Pemakalah

Seminar ini terbuka kepada cendekiawan, para profesional, sarjana, dan penyelidik bahasa, linguistik dan persuratan Melayu dari dalam dan manca negara.

Makalah

Makalah haruslah berdasarkan kajian berhubung penerapan teori dan penemuan terkini yang berkaitan dengan tema "Pemerksaan Bahasa Melayu dalam Pembinaan Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa" dalam bidang yang berikut: Linguistik Am, Sosiolinguistik, Psikolinguistik, Fonetik dan Fonologi, Morfologi dan Sintaksis, Semantik dan Pragmatik, Semiotik, Wacana, Bahasa Melayu dalam Dunia Pendidikan, Bahasa Melayu dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Melayu dalam Bidang Sains dan Teknologi, Bahasa Melayu dalam Bidang Politik, Ekonomi dan Sosial, Bahasa Melayu dalam Bidang Pentadbiran, Bahasa Melayu dalam Kebudayaan dan Kesenian, Bahasa Melayu dalam Bidang Persuratan, Bahasa Melayu dalam Komunikasi Masyarakat Pelbagai Bangsa, Isu Bahasa Melayu dalam Abad Ke-21, dan Terjemahan.

Penghantaran abstrak dan makalah

Abstrak yang panjangnya tidak melebihi 200 patah kata serta biodata sepanjang lebih kurang 50 patah kata hendaklah sampai kepada Urus Setia selewat-lewatnya **15 Julai 2009**. Pihak Urus Setia akan mengesahkan penerimaan abstrak bermula pada **1 Ogos 2009**.

Makalah lengkap hendaklah disampaikan selewat-lewatnya **15 Oktober 2009**. Makalah yang lewat tidak akan dipertimbangkan untuk pembentangan.

Semua abstrak dan makalah hendaklah disediakan dalam bahasa Melayu.

Makalah untuk diterbitkan dalam prosiding hendaklah tidak melebihi 10 muka surat dan ditaip dengan satu langkauan baris (*single spacing*), menggunakan *Microsoft Word* fon *Times New Roman* saiz 10 saiz, kertas A4, dengan jarak 2.5 cm bagi semua sisi margin.

[BORANG PENDAFTARAN]

Nama : _____

Alamat: _____

Institusi: _____

Pekerjaan: _____

No. Tel: (mudah alih): _____

No. Tel. (pejabat): _____

E-mel : _____

Peserta individu

Peserta berkumpulan

Peserta pelajar

Bayaran secara cek / kiriman wang no:
bernilai RM hendaklah dibayar atas
nama Bendahari UPM. Bayaran tunai juga diterima semasa
hari pendaftaran.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

(Nama Peserta)